

**UNTUK SIARAN SEGERA**

---

## **Sukuk RM800 Juta Sime Darby Property Terlebih Langganan, Menunjukkan Keyakinan Kukuh Pelabur**

- Penerbitan ketiga di bawah Program Sukuk Musharakah RM4.5 bilion Syarikat;
- Menerima tempahan berjumlah RM5.4 bilion daripada pelabur institusi yang pelbagai;
- Terlebih langganan sebanyak 6.7 kali, menandakan keyakinan kukuh pelabur;
- Mencapai penyebaran kredit paling ketat merentasi tempoh matang, mencerminkan permintaan kukuh dan kredibiliti Sime Darby Property di sebalik ketidaktentuan pasaran.

**ARA DAMANSARA, 29 APRIL 2025** – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) ingin mengumumkan kejayaan penyempurnaan penerbitan ketiga Sukuk di bawah Program Sukuk Musharakahnya, dengan nilai nominal RM800 juta sebagai sebahagian daripada program bernilai RM4.5 bilion. Penerbitan ini terlebih langganan sebanyak 6.74 kali, dengan tempahan berjumlah RM5.4 bilion, melepassi jangkaan dan menunjukkan keyakinan kukuh pasaran.

Penerbitan terbaru ini membuktikan selera pelabur yang tinggi terhadap kredit bertaraf pelaburan Sime Darby Property dan instrumen jangka panjang antara 7 hingga 15 tahun, dengan kadar keuntungan purata wajaran sebanyak 4.02% setahun. Penetapan harga yang kompetitif ini mencerminkan keyakinan pelabur serta penjajaran dengan strategi Syarikat untuk penciptaan nilai jangka panjang

Walaupun menghadapi ketidaktentuan dan ketidakstabilan pasaran global, termasuk perkembangan tarif terkini, penerbitan ini meraih sokongan kukuh daripada 51 pelabur institusi, termasuk syarikat pengurusan aset, dana pencerian, syarikat insurans, institusi kewangan dan agensi kerajaan. Sambutan luar biasa ini membolehkan Sime Darby Property mencapai penyebaran kredit paling ketat setakat ini merentasi semua tempoh matang – bukti kedudukan kewangan yang kukuh dan asas kredit mantap Syarikat.

Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, Dato’ Seri Azmir Merican, berkata, "Sokongan yang tidak berbelah bahagi, terutamanya

bagi tempoh matang yang lebih panjang, mengesahkan keyakinan pelabur terhadap hala tuju strategik dan keupayaan kami untuk menggandakan nilai merentasi kitaran."

"Dalam usaha kami untuk menjadi peneraju dalam sektor harta tanah, fokus kami kekal pada penciptaan nilai jangka panjang dan menjana aliran pendapatan berulang, khususnya dalam sektor perindustrian dan logistik, serta kemasukan ke dalam sektor pusat data. Penerbitan Sukuk ini mencerminkan penjajaran pelabur dengan pendekatan modal berdisiplin kami dan keyakinan terhadap keupayaan kami untuk menyampaikan pulangan yang mampan."

Hasil daripada penerbitan ini akan digunakan untuk membiayai inisiatif pertumbuhan jangka panjang Syarikat, keperluan modal kerja, dan tujuan korporat am lain. Penerbitan ini juga menyokong strategi SHIFT25 Syarikat, yang menyumbang kepada pembinaan portfolio pendapatan berulang dan saluran Aset Di Bawah Pengurusan (*Asset Under Management* atau "AUM") sebagai sebahagian daripada evolusi ke arah menjadi syarikat harta tanah sepenuhnya. Secara selari, ia juga merupakan sebahagian daripada strategi Syarikat yang lebih luas untuk mengoptimumkan struktur modal dan memaksimumkan nilai pemegang saham melalui pengurusan modal yang berdisiplin.

MARC Ratings Berhad telah mengesahkan penarafan Program Sukuk Musharakah Sime Darby Property pada taraf AA+/S dengan prospek stabil untuk empat tahun berturut-turut.

Maybank Investment Bank Berhad ("Maybank IB") bertindak sebagai Penasihat Utama dan Pengatur Utama bagi Program Sukuk Musharakah ini, serta Pengurus Utama Bersama untuk penerbitan ini bersama-sama CIMB Investment Bank Berhad dan OCBC Al-Amin Bank Berhad.

#### -TAMAT SIARAN-

##### **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampanan dalam projek-projek kediaman, bersepada dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat harta tanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Bandar Hamilton Nilai. Sime Darby Property juga merupakan pemaju harta tanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi, dan planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property telah diiktiraf sebagai pemaju harta tanah nomor satu Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2024', dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 yang berprestij, 'All-Stars' di StarProperty Awards 2024, anugerah 'Top of the Chart' dalam kategori permodalan pasaran RM1 bilion dan ke atas di Malaysia Developer Awards 2024, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2024, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2024, dan Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2024. Selain itu, Sime Darby Property tersenarai dalam senarai Fortune Southeast Asia 500, sebagai salah satu daripada hanya 89 syarikat Malaysia yang ditampilkan dalam senarai sulung tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

Kontak Media: Natalie Rose Ariffin | +6012-297 1820 | [natalie.ariffin@simedarbyproperty.com](mailto:natalie.ariffin@simedarbyproperty.com)